UOB 大华银行

| **Helaian Pendedahan Produk**<br>**(Baca Helaian Pendedahan Produk ini bersama dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi UOB sebelum anda bercadang untuk memohon Pinjaman Peribadi UOB)** | United Overseas Bank (M) Bhd.<br>**Pinjaman Peribadi UOB**<br>Tarikh: |
|---|---|

**1. Apakah produk ini?**

Ini adalah satu pinjaman tanpa cagaran (bersih) di mana faedah dikira secara kadar rata.

**2. Apakah yang boleh saya perolehi daripada produk ini?**

- Kemudahan pinjaman daripada RM5,000 hingga RM100,000 berdasarkan kelayakan (sehingga RM50,000 untuk pelanggan yang bekerja sendiri).
- Kadar faedah dari 9.99% – 11.99% setahun (kadar rata) berdasarkan kelayakan atau apa-apa kadar lain yang mungkin diperkenalkan oleh UOBM pada masa akan datang untuk tujuan promosi.
- Kadar faedah efektif dari 17.96% – 21.57% setahun (bergantung kepada kadar faedah rata dan tempoh pinjaman).
- Tempoh pinjaman selama 12, 18, 24, 30, 36, 42, 48, 54 & 60 bulan atau apa-apa tempoh lain yang mungkin diperkenalkan oleh UOBM pada masa akan datang untuk tujuan promosi.

**3. Apakah tanggungjawab saya?**

- Ansuran bulanan anda: RM ____________
- Jumlah amaun pada akhir tahun ke- (_______) adalah RM ____________

**4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

| Perkara | Yuran & Caj |
|---|---|
| **Duti Setem** | Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak 1989) |
| **Fi GIRO Antara Bank (IBG)** | RM2.00 akan ditolak daripada jumlah pinjaman<br>(jika dana dipindah ke akaun simpanan/ semasa bank lain) |

**5. Jike saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?**

- Caj bayaran lewat sebanyak 1% ke atas jumlah tunggakan, menyebabkan jumlah terkumpul meningkat.
- Kami boleh menolak mana-mana baki kredit dalam akaun yang dikekalkan dengan kami terhadap sebarang baki belum jelas dalam akaun pembiayaan ini.
- Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan kedudukan kredit anda dan menyebabkan permohonan kredit lebih sukar atau mahal.

**6. Jika saya menjelaskan sepenuhnya pinjaman sebelum tarikh matang?**

- Tarikh matang: Tempoh pinjaman anda
- Yuran penyelesaian awal dikenakan sebanyak 3% atas jumlah keseluruhan baki tertunggak (pokok + faedah), tertakluk kepada minimum RM300, mengikut mana lebih tingggi.
- Rebat ke atas baki faedah yang dikenakan akan diberikan berdasarkan formula berikut: Rebat = $\frac{C \hat{} r(r+1)}{t(t+1)}$

Di mana: C = Faedah perlu dibayar untuk seluruh Tempoh
r = Jumlah baki bulan ansuran bulanan untuk Tempoh tersebut
t = Tempoh keseluruhan dalam bulan

**7. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

Kemudahan ini tidak memerlukan penjamin atau cagaran.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai butiran perhubungan saya?**

Peminjam hendaklah memberitahu pihak Bank dengan segera secara bertulis tentang sebarang perubahan alamat surat-menyurat. Hak atau kelayakan Bank tidak akan dipengaruhi jika pihak Peminjam gagal memaklumkan pihak Bank mengenai sebarang perubahan alamat dan mengakibatkan penyata, surat-menyurat dan notis dikeluarkan lewat atau dikembalikan.

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian?**

Jika anda mempunyai masalah membuat pembayaran, anda perlu menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan pembayaran balik alternatif. Anda boleh menghubungi kami melalui UOB 121, 03-26128 121 (Kuala Lumpur), 04-2401 121 (Pulau Pinang), 07-2881 121 (Johor Bahru), 082-287 121 (Kuching), 088-477 121 (Kota Kinabalu) atau kunjungi mana-mana cawangan UOB.
Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan percuma dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia yang menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan pengstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
**Tel:** 03-2616 7766 **E-mel:** enquiry@akpk.org.my
Jika anda ingin mengadu tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami melalui UOB 121, 03-26128 121 (Kuala Lumpur), 04-2401 121 (Pulau Pinang), 07-2881 121 (Johor Bahru), 082-287 121 (Kuching), 088-477 121 (Kota Kinabalu) atau kunjungi mana-mana cawangan UOB.
Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara LINK atau TELELINK di Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
**Tel:** 1-300-88-5465 **Faks:** 03-2174 1515

**10. Produk Pinjaman Peribadi lain yang sedia ada**

Pembiayaan Mikro.

**NOTIS PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENUNAIKAN PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN PERIBADI ANDA**

Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi UOB boleh didapati di www.uob.com.my



RIGHT BY YOU